



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 28 NOVEMBER 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KELANTAN TO LAUNCH OWN RICE BRAND, NATIONAL, THE SUN -4	LAIN-LAIN
2.	KELANTAN KELUAR BERAS SENDIRI TAHUN DEPAN, NASIONAL, SH -10	
3.	JOHOR RANCANG SEDIA 700 HEKTAR SAWAH DI TANGKAK, KLUANG, NASIONAL, BH -18	
4.	MADU KELULUT TINGKAT TENAGA BATIN, GAYA INOVASI, UM -26	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kelantan to launch own rice brand

KOTA BHARU: The Kelantan government will launch its own rice brand, Beras Agro Darul Naim, to cater to demand in the state next year.

State Agriculture, Agro-Based Industry and Commodity Committee chairman Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail said to realise this, they will have a special allocation for the development of *padi* factories.

"This effort is a collaboration between the Kelantan Agricultural Development Corporation, Kelantan Agricultural Group Berhad and investor partners.

"The state government has prepared a special allocation for the development of a *padi* factory in Meranti, Pasir Mas in 2024," he said in response to a supplementary question from Tuan Azhar Salleh (PAS-Pulai Condong) at the state legislative assembly yesterday. – Bernama

Kelantan keluar beras sendiri tahun depan

KOTA BHARU - Kelantan akan mengeluarkan beras jenama sendiri, Beras Agro Darul Naim bagi memenuhi permintaan pengguna di negeri ini pada tahun depan.

Exco Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kerajaan negeri sudah menyediakan peruntukan khas bagi membangunkan sebuah kilang padi dan beras yang terletak di Pasir Mas.

"Pada 2024, kerajaan sudah membuat peruntukan khas untuk padi dan beras di Meranti Pasir Mas.

"Di situ kami akan mengeluarkan beras tempatan dengan menggunakan jenama sendiri iaitu kilang padi dan Beras Agro Darul Naim," katanya dalam Persidangan Kali Kedua (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan ke-15 di Kompleks Kota Darulnaim di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Azhar Salleh (Pas-Pulai Chondong)** berkait cadangan negeri itu untuk mengeluarkan beras jenama Kelantan.

Menurut Tuan Mohd Saripudin, peruntukan khas bagi membangunkan kilang padi dan beras itu dibuat melalui kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad bersama rakan pelabur.

GAMBAR HIASAN



Beras dan padi sendiri yang akan dikeluarkan oleh Kelantan. Gambar kecil: Tuan Mohd Saripudin

Dalam pada itu, beliau berkata, pelbagai langkah sudah diambil oleh kerajaan Kelantan menghadapi isu dan cabaran dalam keterjaminan makanan rakyat di negeri ini.

"Antaranya, memberi insentif secara bersasar dan selektif kepada golongan sasaran iaitu bagi tahun 2023, peruntukan sebanyak RM3,660,000 melibatkan 357 projek pertanian.

"Aplikasi teknologi di lapangan melalui kaedah Participatory Observation iaitu teknologi baru dari syarikat pengeluar di aplikasi terus ke ladang bagi tujuan pengeluaran hasil, kawalan musuh tanaman dan keselamatan makanan," katanya.

Menurut beliau, Jabatan Pertanian meningkatkan proses pemindahan ilmu, teknologi dan teknikal kepada masyarakat menerusi program dan bengkel latihan seperti Agri Bio Class, Seminar Semarak Organik Al-Falah dan Diskusi Organik.

Beliau berkata, kerajaan negeri turut membangunkan aplikasi teknologi di lapangan melalui kaedah penyertaan pemerhatian serta menjayakan Kempen Tanam Nyor Al-Falah ke-13 melibatkan 1,300 penerima.

Sidang DUN Johor

Johor rancang sedia 700 hektar sawah di Tangkak, Kluang

Dua syarikat
China minat
kerjasama usaha
projek RM74j

Iskandar Puteri: Kerajaan Johor merancang untuk melaksanakan Projek Pembangunan Kawasan Baharu Tanaman Padi melibatkan kawasan seluas hampir 700 hektar dengan anggaran kos RM74 juta. Pengerusi Jawatankuasa Per-

tanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip, berkata projek itu dikenal pasti dilaksanakan di daerah Tangkak dan Kluang.

Belliau berkata, projek yang akan dijalankan Jabatan Pertanian Johor dan pelbagai agensi itu juga menarik minat dua syarikat dari China untuk bekerjasama.

"Pembangunan kawasan baharu sawah ini memerlukan kos yang sangat tinggi dengan anggaran RM74 juta (bagi luas 700 hektar) atau RM104,000 per hektar.

"Kerajaan negeri membuka ruang kepada pihak swasta untuk bersama-sama menjalankan usaha menanam padi dan dua syarikat China berminat dan sedang melihat sama ada mereka boleh menjalankan usaha penanaman padi ini," katanya di luar persidangan Dewan Undangan Negeri Johor di Kota Iskandar di sini semalam.

Zahari berkata, projek itu akan melibatkan kerja penyediaan kawasan dengan kos pembangunan sebanyak RM44,000 per hektar serta kerja pembangunan sistem pengaliran utama dengan kos pembangu-



Zahari ketika menjawab soalan lisan pada Mesyuarat Keempat (Belanjawan 2024) pada sidang DUN, semalam.

(Foto BERNAMA)

nan RM60,000 per hektar. Keterangan Makanan bagi memperluas kawasan penanaman padi dengan mewujudkan Kawasan Pertanian Bersepadu (LADA) Wilayah Selatan, menerusi penggabungan pengurusan sawah di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

"Pelaksanaan itu akan memberi manfaat bagi mengoptimumkan penggunaan sumber untuk meningkatkan pengeluaran industri padi dan beras sekali gus mentransformasi sektor agromakanan secara terancang," katanya.

BERNAMA

Pengurusan bersepadu

Belliau berkata, Jabatan Pertanian Johor mengesyorkan pengurusan sawah bagi projek itu dibuat secara bersepadu seperti Program SMART Sawah Berskala Besar, yang mampu menarik pihak swasta sebagai rakan kongsi kerajaan bagi menjadikan subsektor padi dan beras negara lebih dinamik dan berdaya saing.

Kerajaan negeri juga, katanya antara lain mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan





PROGRAM komuniti ternakan kelulut di Kampung Teluk Panglima Garang, Banting.

PENTERNAK kelulut perlu didedahkan dengan teknik ternakan kelulut lestari bagi memastikan perlindungan terhadap koloni kelulut.

Madu kelulut tingkat tenaga batin

“Ternakan kelulut pada masa ini telah menjadi suatu industri yang popular kerana madu kelulut yang dihasilkan dianggap sebagai produk premium dengan jualan madu kelulut mencapai harga pasaran yang tinggi.”

pollinasi produk buahan boleh dihasilkan, antaranya kesemua produk biliran berasaskan makanan seperti lopi, kelulut, gula-gula dan sebagainya. Ia juga tidak mengabaikan kesihatan manusia serta menyediakan peluang kepada petani untuk memajukan bilangan kesesawanan tani dan menjadikannya sebagai kerjaya atau aliran pendapatan yang menguntungkan.

KAWA KAWA

kelulut mampu menjadi sumber ekonomi kepada masyarakat. Atasannya di samping itu, ia juga mempunyai akses kepada persekitaran semula jadi. Pembangunan industri ini mampu mewujudkan peluang pekerjaan dalam penyediaan koloni kelulut, pengeluaran madu dan pengangkutan perniagaan.

Dalam bidang pertanian, kolulut merupakan proses yang menguntungkan apabila terdapat perubahan iklim. Ia mampu meningkatkan penghasilan madu kelulut.

tenaga batin, meningkatkan kecekapan, meningkatkan daya tahan badan, meningkatkan daya tahan terhadap penyakit seperti diabetes mellitus (kecing manis), stroke, hepatitis (radang hati), obesiti, tekanan darah tinggi dan baki katarak.

Madu kelulut yang dikitar oleh lebah diternakan dan kemudiannya diproses menjadi sebagai Superfood pertama Malaysia membolehkan pemernakan kelulut memulakan usaha di bidang ini. Madu kelulut ini adalah produk yang unik dan berbeza dengan madu lain kerana ia mempunyai kandungan protein yang tinggi dan pektin yang tinggi. Selain itu, ia juga kaya dengan vitamin B1, B2, B6, B12, C, E, K, dan mineral seperti kalsium, magnesium, dan fosforus.

TAMBAH TENAGA BATIN

Dr. Syazir Nur menyasarkan kepada petani untuk memulakan ternakan madu kelulut. Beliau berkata, ternakan madu kelulut adalah industri yang menguntungkan kerana ia mempunyai permintaan yang tinggi. Beliau juga menekankan bahawa ternakan madu kelulut memerlukan perhatian khusus dalam aspek kesihatan koloni dan keselamatan pemernakan. Beliau menyarankan petani untuk memilih lokasi ternakan yang sesuai dan memastikan koloni kelulut ditempatkan dengan selamat.

Dr. Syazir Nur adalah Pengerusi Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Institut Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Putra Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Dewan Undang Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen (MP) Banting, Malaysia.

Penyunting: Nur Hafizah